

BADMINTON

1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan terkandung, pertandingan ini akan diputuskan mengikut Undang-Undang Persekutuan Badminton Sedunia (BWF) yang berkuatkuasa pada ketika ini.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-Undang Inggeris akan dipatuhi.

2. FORMAT PERTANDINGAN

- 2.1 Pertandingan akan dijalankan secara individu dan terbahagi kepada lima (5) kategori ;
 - 2.1.1 Perseorangan Lelaki
 - 2.1.2 Perseorangan Wanita
 - 2.1.3 Bergu Lelaki
 - 2.1.4 Bergu Wanita
 - 2.1.5 Bergu Campuran

3. SISTEM PERTANDINGAN

- 3.1 Pertandingan ini akan dijalankan secara Kalah Keluar (*Knock Out*)
- 3.2 Semua acara badminton akan menggunakan sistem kiraan 21 mata atau (*Rally Point Scoring System*) (3x21).

4. PENDAFTARAN PEMAIN

- 4.1 Setiap Institusi dibenarkan mendaftar maksimum dua (2) penyertaan bagi setiap kategori.
- 4.2 Setiap pemain hanya dibenarkan bermain secara maksimum dua (2) kategori sahaja
- 4.3 Bilangan pemain ;

BILANGAN PEMAIN	LELAKI	WANITA
MINIMUM	1	1
MAKSIMUM	8	8

- 4.4 Sebarang pemain gantian tidak dibenarkan selepas sesuatu undian rasmi pertandingan dibuat semasa Taklimat Pengurus Pasukan.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



5. PAKAIAN PERTANDINGAN

- 5.1 Setiap pemain perlu memakai pakaian yang tertulis nama institusi yang diwakili di belakang baju .
- 5.2 Bagi acara beregu, pemakaian baju pemain hendaklah sama dari segi warna dan corak.
- 5.3 Setiap pemenang perlu berpakaian sopan dan berkasut semasa Majlis Penyampaian Hadiah

6. PANGGILAN PESERTA

- 6.1 Setiap pemain perlu melaporkan diri digelanggang setelah panggilan pertama dibuat.
- 6.2 Kepada pemain yang lewat melaporkan diri di gelanggang selepas panggilan ketiga (3) dibuat, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan kiraan 21-0, 21-0.
- 6.3 Setiap pemain yang akan bermain untuk perlawanan seterusnya diberi masa rehat selama 30 minit.

7. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

- 7.1 Setiap pemain haruslah menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan kecuali mendapat pengesahan kecederaan daripada Pegawai Perubatan yang disediakan oleh pihak penganjur.
- 7.2 Jika didapati berlaku dengan sengaja, semua perlawanan seterusnya yang melibatkan pemain berkenaan akan dibatalkan dan pemain yang terlibat akan disingkirkan daripada pertandingan.

8. HADIAH DAN PEMENANG

- 8.1 Hadiah diberi hanya kepada Pemenag Pertama, Kedua dan Tempat Ketiga bagi semua kategori.
- 8.2 Pemain yang kalah di peringkat separuh akhir akan bermain untuk merebut tempat ke-3.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kejemilangan Sukan Universiti



9. HAL-HAL LAIN

- 9.1 Hanya pegawai pasukan dengan pakaian sopan dan berkasut sahaja dibenarkan berada di gelanggang pertandingan semasa sesuatu perlawanan berlangsung
- 9.2 Sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak penganjur adalah MUKTAMAD.

10. PERKARA-PERKARA LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN

Rujuk Peraturan Am Sukan MASUM (21.0)

MASUM